

**NO. SOALAN : 157**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tapak-tapak pelancongan yang paling menarik kepada pelancong asing di negara kita :-

- (a) senarainya dengan ciri-ciri tarikan masing-masing; dan
- (b) berapa bandaraya asing yang mempunyai status "Twin City" dengan bandaraya kita dan adakah ini dapat menambah bilangan pelancong ke negara kita.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia mempunyai banyak tapak pelancongan yang menarik pelancong asing ke negara kita. Menurut Kajian Pemergian Pelancong Asing yang dijalankan oleh Tourism Malaysia (TM) sepanjang tahun di pintu-pintu masuk utama ke Malaysia, negeri-negeri yang paling banyak dilawati pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah pelancong (%)
1.	Kuala Lumpur/Selangor	39.5
2.	Sabah	16.4
3.	Sarawak	14.5
4.	Johor	12.7
5.	Melaka	12.2
6.	Pulau Pinang	10.0
7.	Kedah/Perlis	10.0

Antara ciri-ciri tarikan negeri-negeri ini adalah kemudahan membeli-belah yang menawarkan beraneka pilihan, pulau dan pantai yang indah, tarikan ekopelancongan dan alam semulajadi, kawasan perkampungan yang menonjolkan budaya tempatan, tempat-tempat hiburan, muzium dan kawasan bersejarah.

Sebagai contoh, dari segi tarikan pulau dan ekopelancongan, tempat-tempat yang banyak menerima pelancong asing adalah seperti Taman Negara di Pahang; Taman Negara Tunku Abdul Rahman, Pulau Sipadan, Taman Marin Tun Sakaran dan Taman Pulau Tiga di Sabah; Taman Negara Mulu dan Taman Negara Bako di Sarawak; serta Taman Laut Pulau Payar di Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut maklumat yang ada dengan Kementerian saya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta TM, bandaraya asing yang mempunyai status "Twin City" dengan bandaraya kita adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Bandar berkembar</b>
Johor	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Istanbul, Turki (1989)
Perak	Majlis Bandaraya Ipoh	Fukuoka (1989)
Selangor	Majlis Bandaraya Shah Alam	Surabaya, Indonesia (2009)
		Hanam City, Korea Selatan (2013)
	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Bandung, Indonesia (2012)
		Asan City Council, Korea Selatan

<b>Negeri</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Bandar berkembar</b>	
Selangor	Majlis Perbandaran Klang	Xiamen City, China (2011)	
		Yiwu City, China (2011)	
		Urumqi City, China (2012)	
	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Indonesia (2015)	
		Jepun (2015)	
		Poncheon City Government , Korea Selatan (2015)	
	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Bandar Hioki, Jepun (2012)	
		Daejeon East District City Council, Korea Selatan (2016)	
	Pulau Pinang	Majlis Perbandaran Seberang Perai	City of Fremantle, Australia (1978)
			Gwangju Metropolitan City, Korea Selatan (2013)
City of Seoul , Korea Selatan (2015)			
City of Yokohama, Jepun (2015)			
Majlis Bandaraya Pulau Pinang		Adelaide, Australia (1973)	

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan	Bandar berkembar
Pulau Pinang	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	Medan, Indonesia (1984)
		Xiamen City, China (1993)
		Taipei, Taiwan (2011)
		Kaohsiung, Taiwan (2011)
		Bangkok, Thailand (2012)
		Yogjakarta, Indonesia (2012)
		Changwon, Korea Selatan (2012)
		Phuket, Thailand (2014)
Sabah	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	Vladivostok (2010)

Memang tidak dapat dinafikan bahawa usaha untuk mewujudkan program bandar berkembar ini dapat memberi publisiti dan mampu meningkatkan kesedaran rakyat asing untuk melawat Malaysia. Namun perjanjian bandar berkembar ini bukan sahaja diadakan untuk mempromosikan pelancongan malah untuk meningkatkan hubungan diplomatik dan ekonomi antara dua (2) buah bandar yang berkongsi persamaan.

Sekian, terima kasih.